



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO DI SARAWAK

Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, dalam ucapan Bajet pada 10 Oktober 2014 yang lalu telah mengumumkan pelaksanaan projek lebuh raya Pan Borneo sepanjang 2,239 kilometer yang disasarkan akan menjadi penghubung bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak.

Komponen *kick-off* projek Lebuh raya Pan Borneo Sarawak yang melibatkan jajaran Simpang Jalan Nyabau ke Simpang Jalan Bakun sepanjang 43 kilometer telah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sendiri pada 31 Mac 2015. Komponen ini merupakan sebahagian daripada 1,090 kilometer jajaran Pan Borneo Sarawak yang akan dinaiktaraf kepada empat lorong dua hala (*dual carriageway*) dengan standard piawai R5. Kerja-kerja menaiktaraf komponen tersebut kini sedang giat dijalankan.




Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan Syarikat Lebuh raya Borneo Utara telah memuktamadkan rundingan perjanjian bagi pelaksanaan projek Fasa 1 Lebuh raya Pan Borneo Sarawak melibatkan jajaran sepanjang 773 kilometer. Berdasarkan perancangan, pembinaan Fasa 1 ini akan dimulakan dengan pakej Telok Melano ke Sematan sepanjang 33 kilometer seawal bulan September 2015. Pakej ini melibatkan pembinaan jajaran baru satu lorong dua hala (*single carriageway*) untuk menghubungkan pekan kecil dan beberapa perkampungan di kawasan Telok Melano yang kini hanya boleh dihubungkan melalui jalan laut.

Projek lebuh raya Pan Borneo Sarawak ini merupakan projek mega berskala besar dengan komitmen kewangan yang tinggi di pihak Kerajaan. Justeru, beberapa opsyen model pelaksanaan projek telah dikaji semasa memuktamadkan projek ini. Sehubungan itu, mengambilkira implikasi model pelaksanaan terhadap kewangan jangka panjang negara, Kerajaan telah memutuskan supaya pelaksanaan projek lebuh raya Pan Borneo Sarawak ini dilaksanakan menerusi kaedah *Project Delivery Partner* (PDP) yang mana pembiayaan projek akan dibuat sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan melalui Dana Infra. Model yang serupa telah digunakan dalam pelaksanaan projek *Mass Rapid Transit* (MRT). Pendekatan ini dipilih antara lainnya kerana lebih menjimatkan dan mengurangkan kos pembiayaan Kerajaan. Pada masa yang sama, seperti mana model MRT, kaedah ini adalah diyakini lebih efektif dan efisien.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kk.gov.my

Dalam hubungan ini, syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU) dilantik sebagai *Project Delivery Partner* (PDP) untuk mengurus dan menyelia pelaksanaan projek lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Pihak PDP akan bertindak sebagai *single point of accountability* yang akan bertanggungjawab dalam melaksana, mengurus dan menyiapkan pembangunan lebuhraya sepanjang 1,089 km pada kadar kos yang berpatutan dan tempoh pembinaan yang dipersetujui oleh Kerajaan. Sebagai balasan, PDP akan menerima bayaran yuran PDP berdasarkan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah dipersetujui.

Sebuah Jawatankuasa Eksekutif (*Executive Committee*) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan dianggotai oleh agensi-agensi lain seperti Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak telah dibentuk. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau, menyelaras dan menyelesaikan sebarang isu yang mungkin timbul dalam pelaksanaan projek ini. Selain itu, Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penglibatan penduduk Sarawak dapat dimaksimakan dalam projek ini.




Adalah diharapkan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kelak akan menjadi jalan penghubung strategik serta memberi keselesaan perjalanan dan selamat kepada pengguna jalan raya di Sarawak. Projek ini juga disasarkan akan memberi impak bukan sahaja kepada ekonomi setempat, malah ia berupaya menggalakkan lagi pembangunan ekonomi di wilayah koridor Sarawak (SCORE) dengan adanya akses dan rangkaian jalan raya yang lebih efisien. Selain itu, projek ini dijangka akan memberi kesan langsung kepada penduduk negeri Sarawak melalui peluang-peluang dalam sektor pembinaan, mewujudkan peluang pekerjaan baru dan bertindak sebagai pemangkin kepada pusat-pusat pertumbuhan baru ekonomi.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
30 JUN 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kkr.gov.my